

10 APR 1999

Azhar

13,124 BATU NAUTIKA LAGI UNTUK AZHAR

LANGKAWI, April 10 (Bernama) -- Pelayar Malaysia Azhar Mansor yang sedang dalam perjalanan untuk mencatat dua rekod dunia mengelilingi dunia secara solo, memasuki hari ke-67nya berada di lautan hari ini.

Setakat hari ini beliau telah belayar sejauh 10,449 batu nautika dan tinggal 13,124 baginya untuk mencapai impiannya itu.

Beliau melaporkan kapalnya berada pada posisi Latitud 54 darjah 09' 04" Selatan, Longitud 093 darjah 21' 61" Barat dengan purata kelajuan 8.6 knot.

Sejak memulakan percubaannya itu dari sini pada 2 Feb lepas Azhar telah belayar selama 1,607 jam 15 minit.

Dalam e-melnya kepada pangkalan daratnya di Awana Porto Malai di sini hari ini, Azhar berkata keadaan telah berubah dan angin sudah mula meniup sejak awal hari ini.

"Menjelang tengahari keadaan laut bergelombang dan menjadi lebih berat di sebelah malam. Ombak menghempas Jalur Gemilang bertubi-tubi oleh itu layar terpaksa diturunkan sedikit.," katanya.

Semalam, Azhar yang sedang menghampiri Tanjung Tanduk menerima suntikan semangat baru daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir yang membalas ucapan selamatnya pada hari Khamis.

Dr Mahathir yang sedang pulih daripada infeksi paru-paru di Institut Jantung Negara (IJN), berkata beliau terharu dengan ucapan selamat dari pelayar itu melalui Internet dan berharap Azhar akan berjaya dengan percubaannya itu.

Dr Mahathir ialah penaung projek Cabaran Jalur Gemilang.

Semalam, Azhar berkata beliau seronok kerana sedang menghampiri Tanjung Tanduk yang akan melayakkannya menjado anggota sebuah kelab elit antarabangsa mengandungi pelayar-pelayar yang telah secara bersendirian telah belayar melalui tanjung itu dengan kapal layar mereka.

-- BERNAMA

NH WAT